


# Aplikasi teknologi dalam seni khat



Antara peserta yang terlibat dalam program transformasi tulisan khat.

**BATU PAHAT** - Industri 4.0 akan modenkan semua sektor di Malaysia termasuklah dalam bidang pendidikan yang menjurus ke arah pen-digitalan sejarah dengan keperluan semasa.

Bagi merealisasikan revolusi baharu Malaysia ini dalam industri 4.0, seramai 24 mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengambil inisiatif dengan menyuntik elemen asas teknologi dalam seni khat.

Pengarah Program Kursus Tulisan Jawi dan Khat, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum UTHM, Mohd Afiq Danial Khairull Azhar berkata, program yang dianjurkan ini dikenali 'Transformasi Khat Dalam Teknologi'

Menurutnya, dengan kerjasama Pusat Pengajian Bahasa UTHM, program berkenaan mendapat sambutan baik dalam kalangan mahasiswa universiti khasnya sebagai satu usaha menaikkan semangat cinta kepada seni khat dan teknologi.

"Penganjuran program ini dilihat sebagai satu usaha bagi menarik minat golongan belia mencintai seni warisan Islam khususnya tulisan jawi dan khat, serta sebagai pengisian dan pembuka tirai bagi Minggu Kesenian dan Kebudayaan Bahasa Arab 2018.

"Beberapa aktiviti perkongsian ilmu diisi dalam program yang berlangsung selama hampir lapan jam ini antaranya demonstrasi seni khat oleh pelajar. Dan yang paling ditunggu-tunggu ialah cara mengaplikasikan kemahiran menggunakan

perisian Adobe Photoshop dalam seni khat dan perkongsian strategi permasaran hasil seni khat melalui media sosial daripada seorang mahasiswa UTHM yang sedang aktif bergiat dengan seni khat iaitu Abdur Rahman Syafe'e," katanya.

Sementara itu, penyelaras program, Nurulisyazila Othaman berkata, secara keseluruhan program ini berjaya mencapai objektif utamanya iaitu mengaplikasikan asas teknologi dalam seni tulisan khat.

Menurutnya, program ini memberi penekanan kepada usaha untuk memelihara keaslian seni khat, memamerkan kemahiran menulis jawi dan seni khat menerusi aktiviti sehari-hari mengikut kaedah yang ditetapkan.

"Kerjasama semua pihak berjaya menerapkan nilai insaniah melalui kerjasama, kemahiran kepimpinan, cara menyelesaikan masalah dan kemahiran berkomunikasi, seterusnya berjaya mencipta sesuatu yang luar daripada kebiasaan," katanya.

Dunia Berbudi & Penyayang  
WORLD #QuranHour ...satu perjumpaan  
Satu jam bersama alQuran 365 hari  
7 JUN 2018 22 RAMADAN 1439H  
Pelaksanaan Sekuruh Durian • Malaysia • Melayu & Madinah